

30 JAN 1998

Mahathir-Pekerja

MAHATHIR: TINDAKAN TERHADAP MAJIKAN YANG HENTIKAN PEKERJA TANPA NOTIS

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan akan mengambil tindakan terhadap majikan yang memberhentikan pekerja mereka tanpa memberikan notis terlebih dahulu.

Bagaimanapun, beliau berkata jumlah mereka yang diberhentikan kerja berikutan kegawatan ekonomi negara tidak banyak.

"Sepatutnya mereka (majikan) memberikan notis. Tak boleh "retrench" (memberhentikan pekerja) begitu sahaja," kata beliau apabila diminta mengulas mengenai laporan bahawa beberapa majikan bertindak memberhentikan pekerja mereka tanpa memberi notis.

Bercakap kepada pemberita di rumah terbuka Hari Raya di Sri Perdana, Dr Mahathir berkata jika laporan berkenaan didapati benar, kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya.

Ketika ditanya sama ada kadar pemberhentian pekerja akan serius di masa depan, beliau mengulangi bahawa masalah pemberhentian pekerja di negara ini tidak begitu serius.

"Di negara-negara lain, bermilion (berjuta-juta pekerja) sudah diberhentikan. Kita tentu ada pemberhentian kerja bagi satu kumpulan kecil kalau berbanding dengan negara lain," kata Perdana Menteri.

Beliau meminta mereka yang kehilangan pekerjaan supaya bersabar kerana peluang kerja masih banyak di negara ini.

Ketika ditanya sama ada majikan mengambil kesempatan daripada keadaan ekonomi sekarang untuk memberhentikan pekerja mereka, Dr Mahathir berkata jika keadaan itu berlaku, pekerja berkenaan harus melaporkannya kepada Kementerian Sumber Manusia untuk tindakan.

Semalam, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mencadangkan agar denda terhadap majikan yang gagal melaporkan pemberhentian pekerja sekurang-kurangnya sebulan awal dinaikkan kepada RM50,000.

Presiden MTUC Zainal Rampak berkata, jumlah maksimum RM2,000 sekarang bagi setiap kesalahan adalah rendah dan majikan boleh membayarnya dengan mudah.

Mengenai penuntut-penuntut Malaysia di luar negara yang tidak mahu meneruskan pengajian mereka di negara ini kerana alasan-alasan tertentu, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak berhasrat untuk membawa mereka pulang melainkan jika mereka mendapat tempat di kolej atau institusi pengajian tinggi di Malaysia.

"Kita tidak akan membawa mereka balik melainkan ada tempat bagi mereka dalam negara kerana mereka merupakan penuntut persendirian. Itu terpulang kepada kemampuan mereka dan apa yang mereka ingin buat," kata beliau.

Dr Mahathir berkata penuntut Malaysia bukannya tidak mahu pulang untuk meneruskan pengajian mereka tetapi mereka harus memastikan supaya kursus yang sedang diikuti ditawarkan di Malaysia.

"Tetapi hakikatnya ialah kalau kita belajar di luar negeri, wang kita akan mengalir ke luar negeri dan ini akhirnya akan menjadi masalah kepada negara," kata Perdana Menteri. -- BERNAMA

ES PR